

BIL		TARIKH	SURATKHABAR
1	JPKM BANTU LEBIH 20,000 PELAJAR KE IPT	15 OGOS 2022	BERITA HARIAN
2	PENDEDAHAN TVET WAJAR BERMULA DI SEKOLAH RENDAH	18 OGOS 2022	BERITA HARIAN
3	PEMBAHARUAN SISTEM PEMBEKALAN ELEKTRIK NEGARA	18 OGOS 2022	UTUSAN MALAYSIA
4	PENTERNAK CILIK RAIH RM10,000 JUAL ANAK AYAM	19 OGOS 2022	BERITA HARIAN
5	RM1.4 JUTA UNTUK INSENTIF CARE SPM2022, BIASISWA MELAKA	29 OGOS – 4 SEPTEMBER 2022	MELAKA HARI INI
6	MELAKA CATAT PELABURAN RM2.9 BILION DALAM TIGA BULAN	29 OGOS – 4 SEPTEMBER 2022	MELAKA HARI INI
7	XINYI SOLAR TAMBAH PELABURAN RM1.5 BILION DI MELAKA	29 OGOS – 4 SEPTEMBER 2022	MELAKA HARI INI
8	BANK DIJANGKA NAIKKAN KADAR FAEDAH 2H22	30 OGOS 2022	UTUSAN MALAYSIA
9	INFLASI NEGARA MENINGKAT 4.4 PERATUS	30 OGOS 2022	UTUSAN MALAYSIA

BERITA HARIAN

15 OGOS 2022

BERITA HARIAN | JPKM BANTU LEBIH 20,000 PELAJAR KE IPT | MS 15

JPKM bantu lebih 20,000 pelajar ke IPT

Inisiatif kerajaan babit golongan B40 luar bandar dapat sambutan menggalakkan

Jelebu: Program Jelajah Pendidikan Keluarga Malaysia (JPKM) anjuran Yayasan Prihatin Nasional (PRIHATIN) berjaya membantu lebih 20,000 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata inisiatif kerajaan dalam membantu pelajar daripada golongan B40 membabitkan penduduk luar bandar di beberapa Parlimen bagi melanjutkan pengajian itu, mendapat sambutan menggalakkan.

Beliau yang juga menteri mentor JPKM berkata, matlamat program itu untuk pelajar yang ada kelulusan (dalam peperiksaan) ditawarkan tempat di IPT awam atau swasta.

"Siri ketiga program kali ini bermula di daerah Jelebu ini dan difahamkan lebih 70 pelajar di sini diberikan surat tawaran bagi menyambung pengajian," katanya kepada pemberita di Kompleks UMNO Bahagian Jelebu, Simpang Pertang di sini, semalam.

Terdahulu Mahdzir berucap pada program JPKM Peringkat Parlimen Jelebu yang turut dihadiri Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias merangkap Ahli Parlimen Jelebu serta Ketua Pe-



Mahdzir menyampaikan sumbangan kepada pelajar ketika merasmikan program JPKM Parlimen Jelebu, semalam. (BERNAMA)

gawai Eksekutif PRIHATIN, Datuk Mohd Aizuddin Ghazali.

Mahdzir berkata, JPKM menasarkankan 50,000 pelajar lepasan SPM tahun 2016-2021 di 50 kawasan Parlimen untuk mendapat surat tawaran kemasukan ke IPT bagi melanjutkan pelajaran.

Beri peluang kedua

Sementara itu, Jalaluddin berkata, JPKM memberi manfaat dengan memberikan peluang kedua bagi anak Keluarga Malaysia melanjutkan pelajaran supaya dapat mengubah masa depan keluarga kepada lebih baik dan cemerlang.

Dalam pada itu, menerusi prog-

ram itu pihak PRIHATIN turut menjalankan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) menerusi sumbangan cermin mata serta komputer riba kepada pelajar.

Program itu turut membabitkan 38 IPT, antaranya Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Kolej Universiti Poly-Tech Mara (KUPTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

BERNAMA

Hasil kajian IPP pulih industri kerang negara

Serdang: Industri kerang negara kini pulih selepas mengalami masalah kekurangan bekalan secara berterusan pada 2010 hingga 2016, sekali gus membolehkan Malaysia kembali menjadi penge- luar kerang terbesar di Asia Tenggara seperti era 1980-an.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata pencapaian itu hasil kajian Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) sejak 2009, bermula dengan kajian oseanografi pantai bertujuan menilai kesesuaian cadangan tapak ternakan kerang.

Beliau berkata, selain itu, kajian batimetri yang komprehensif juga dilaksanakan bagi memahami keadaan arus, kedalaman dasar, trend perubahan suhu dan kemasinan air laut pada tarikh tertentu dalam sebulan.

"Hasil kajian ini, hari ini (semalam) kita peroleh dua sijil Malaysia Book of Records (MBOR), iaitu sijil kehadiran benih kerang terpanjang di Teluk Lekir, Manjung, Perak, iaitu selama 18 bulan untuk kita keluarkan benihnya.

"Seterusnya, sijil (MBOR) pendaratan paling banyak iaitu sebanyak 1,300 tan, yang akan dipindahkan untuk dibekalkan ke kawasan perairan dan pantai lain untuk menambatkan lagi benih kerang," katanya.

Terdahulu, beliau menyaksi-

kan Majlis Pengisytiharan MBOR kepada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), yang berlangsung pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022, di sini, semalam.

DOF perhebut kajian

Sementara itu, DOF dalam kenyataannya menyebut, kajian itu diperhebutkan selepas pola penurunan yang berterusan disaksikan dalam pendaratan kerang di Semenanjung, iaitu bermula 2010 sehingga 2016.

"Antara faktor penurunan adalah kekurangan benih kerang serta sukar peroleh bekalan. Ini disebabkan pembenihan secara semula jadi sukar dijangka dan diurus dengan baik," katanya.

Susulan itu, katanya, Projek Kebun Kerang Lekir, Manjung, Perak dilancarkan pada 2020, dengan menawarkan 25 lot (21 hektar/lot) dan diusahakan lapan hingga 10 penternak.

"Selain di Lekir, projek sama juga sedang dilaksanakan di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan Merlimau hingga Sebatu, Melaka dengan kerjasama kerajaan negeri masing-masing," katanya.

Mengulas mengenai sambutan MAHA 2022, Ahmad berkata, setakat petang kelmarin, jumlah kehadiran direkodkan sudah mencecah sejuta pengunjung.



Ahmad (tengah) menyaksikan penyerahan sijil MBOR oleh Perunding Rekod Kanan MBOR, Siti Hajar Johor kepada Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Mohd Sufian Sulaiman (kanan) di MAHA, Serdang, semalam. (Foto BERNAMA)

18 OGOS 2022

BH | PENDEDAHAN TVET WAJAR BERMULA DI SEKOLAH RENDAH |

Pendedahan TVET wajar bermula di sekolah rendah

Oleh **Suhaila Abdul Samad**
bhrencana@bh.com.my



Pengarah
Institut Latihan
Perindustrian
(ILP) Pedas

Biasanya kanak-kanak dan murid di sekolah rendah apabila diajukan soalan mengenai cita-cita akan menjawab kerjaya seperti doktor, arkitek, guru, polis dan juruterbang. Hal ini *refleks* daripada pembelajaran awal yang banyak memperkenalkan kerjaya utama, sekali gus mempengaruhi minda awal kanak-kanak.

Namun, kerjaya Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) seperti jurukimpal, pemrogram teknologi maklumat (IT), juruteknik, mekanik kereta, jurubina bangunan, tukang jahit, chef dan

petani moden seolah-olah tidak terlintas kepada mereka kerana tiada atau kurang pendedahan diberikan ketika proses pembelajaran.

Senario ini pasti berikan kesan kepada bidang TVET apabila golongan itu masuk ke fasa remaja.

Apatah lagi, hasil kajian Jabatan Perangkaan baru-baru ini mencatatkan 72.1 peratus pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021 enggan menyambung pelajaran, sekali gus turut memberi kesan enrolmen kepada penyedia latihan TVET.

Meskipun pelbagai usaha dibuat kaunselor pada peringkat sekolah untuk mengenal pasti minat dan kecenderungan pelajar peringkat sekolah menengah, ia tidak dapat meningkatkan motivasi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, terutama dalam bidang TVET.

Pemupukan minat belajar

Pendedahan kepada TVET tidak seharusnya tertumpu kepada pelajar tahun akhir atau Tingkatan Lima di sekolah menengah sahaja, sebaliknya perlu dibuat pada peringkat awal, iaitu sekolah rendah lagi supaya pemupukan minat dalam bidang ini dapat dikembangkan dan menjadi motivasi untuk menceburi bidang pekerjaan berasaskan TVET.

Usaha dibuat dari peringkat sekolah rendah lagi

ini bertujuan supaya pemupukan minat untuk menceburi bidang TVET boleh diterapkan awal dalam jiwa kanak-kanak. Antara usaha boleh dilakukan adalah mengadakan kerjasama strategik dengan penyedia TVET seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Pertanian dan Kolej Vokasional menerusi aktiviti berbentuk kelas bahasa, robotik, latihan kemahiran asas, lawatan ke bengkel bagi pendedahan awal serta demonstrasi pembuatan produk.

Kerjasama strategik antara sekolah dengan penyedia TVET boleh menjadi platform baik bagi pendedahan awal kepada kanak-kanak untuk memupuk minat mempelajari TVET hingga ke peringkat lebih tinggi.

Usaha memperkasakan bidang TVET memerlukan komitmen berterusan semua pihak supaya agenda negara dalam melahirkan lebih ramai modal insan berkemahiran dan kompetitif dapat dicapai.

18 OGOS 2022

UTUSAN | PEMBAHARUAN SISTEM PEMBEKALAN ELEKTRIK NEGARA | MS 9

Negara bakal terima pelaburan RM34 bilion

KUALA LUMPUR - Konglomerat Arab Saudi, Ajlan Bros Holding Group bakal melabur hampir RM34 bilion (AS\$7.5 bilion) dalam sembilan syarikat Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, pelaburan itu adalah dalam sektor semikonduktor, perdagangan sosial, pertahanan dan hiburan.

"Sembilan syarikat terabit ialah Dagang NeXchange Bhd (DNeX), Aerodyne Systems Sdn Bhd, National Aerospace & Defence Industries Sdn Bhd (NADI), Twistcode Technologies Sdn Bhd, CyberSecurity Malaysia, Malaysia Genomics Resources Centre Bhd, Meta Universe Sdn Bhd, Light Up 7 Sdn Bhd and My Events Sdn Bhd," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Ajlan Bros merupakan satu daripada konglomerat hartanah utama di Arab Saudi yang mengkhususkan dalam kediaman, perindustrian, komersial dan rumah gudang.

Ia telah membuat pelaburan yang besar di lebih dari 25 negara dan memiliki aset bernilai lebih daripada AS\$15 bilion serta hasil lebih AS\$2 bilion. - *Bernama*

Pembaharuan sistem pembekalan elektrik negara

Kerajaan akan laksana pembaharuan itu sebagai komitmen Malaysia dalam peralihan tenaga

KUALA LUMPUR

Kerajaan akan melaksanakan program dan pembaharuan sistem pembekalan elektrik negara sebagai langkah awal merencanakan lagi komitmen negara dalam peralihan tenaga, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, kerajaan meluluskan peruntukan dan pengagihan semula kuota tenaga boleh baharu (TBB) sebanyak 1,200 megawatt (MW) bagi sumber solar.

"Kuota baharu ini akan diagih untuk pelaksanaan program di bawah mekanisme sedia ada termasuk New Enhanced Dispatch (NEDA) dan program pemasangan solar di bumbung bangunan.

"Selain itu untuk penerokaan kaedah pelaksanaan program TBB baharu seperti pembangunan taman solar, pembekalan elektrik untuk tujuan pusat-pusat data baharu serta penjana hidrogen hijau," katanya semasa berucap



FOTO: BERNAMA

Ismail Sabri melawat tapak pameran selepas menyempurnakan perasmian Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa Kelima 2022 di Kuala Lumpur pada Isnin. Hadir sama, Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (dua dari kanan).

merasmikan Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa (ISES) Kelima 2022 di sini pada Isnin.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, ia juga untuk penyediaan opsyen baharu perolehan bekalan elektrik hijau kepada syarikat korporat melalui konsep Perjanjian Pembelian Tenaga Maya (VPPA), mulai suku keempat 2022, dengan tawaran kuota 600MW.

"Dengan persetujuan ini, kerajaan menjangkakan 14,000 peluang pekerjaan dan nilai pelaburan baharu berjumlah RM6 bilion dapat diwujudkan bagi menyokong pembangunan industri TBB negara," ujarnya.

Menurutnya, kerajaan turut

menetapkan kerangka perundangan kawal selia keselamatan pembangunan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV) supaya aspek keselamatan awam dan pengguna terpelihara dan terjamin.

Sehubungan itu, katanya, Garis Panduan Pembangunan Infrastruktur EV di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) akan dikuatkuasakan pada suku keempat 2022 untuk memastikan pembangunan infrastrukturnya dilaksanakan dengan selamat dan teratur mengikut piawaian yang ditetapkan.

"Saya juga ingin memaklumkan bahawa Tenaga Nasional Bhd (TNB) dengan kerjasama Syarikat

MySuri Biz Technologies Sdn Bhd akan menyediakan 1,000 unit EV teksi, sebagai menyokong usaha penyahkarbon negara.

"Keterlibatan pihak GLC seperti TNB perlu dipergiatkan bagi menyokong pembangunan industri EV negara," kata beliau.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, trend semasa dunia yang dilihat begitu agresif dalam mengurangkan jejak karbon, memberi impak perkembangan cukup positif buat negara.

Menurut beliau, ini kerana peningkatan dalam pelaburan serta permintaan bekalan elektrik mesra alam atau elektrik hijau akan membuka peluang ekonomi dan perniagaan baharu kepada pemain industri TBB tempatan.

"Mengambil kira Malaysia memiliki rantaian nilai industri TBB yang kukuh daripada peringkat pembuatan sehingga ke peringkat pembekalan perkhidmatan, negara dalam hal ini perlu memanfaatkan kelebihan dimiliki untuk menarik pelaburan hijau dan bernilai tinggi ini," katanya.

Mengulas mengenai persidangan ISES, Ismail Sabri percaya ia akan membuka peluang kepada penggubal dasar, pemain industri dan cendekiawan dalam bidang tenaga lestari untuk berhubung dan memahami strategi serta amalan terbaik berkaitan peralihan tenaga di seluruh dunia.

- *Bernama*

BERITA HARIAN

19 OGOS 2022

BH | PENTERNAK CILIK RAIH RM10,000 JUAL ANAK AYAM | MS 19

Jumaat, 19 Ogos 2022

Nasional

Penternak cilik raih RM10,000 jual anak ayam

Budak 8 tahun promosi dalam Facebook, pernah cecah jualan 3,200 ekor sehari

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Besut: Biarpun baru berusia lapan tahun, siapa sangka, Ahmad Faiq Adrian Mohamad Firdaus, mampu meraih hasil sehingga RM10,000 sebulan daripada jualan anak ayam kampung putih (Hyline White).

Ahmad Faiq berkata, dia bermula dengan menernak ayam sebagai hobi sebelum mengambil inisiatif menjual anak ayam melalui Facebook dan tidak menjangka mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

"Saya mendapat dorongan dan bimbingan daripada bapa, Mohamad Firdaus Ismail, 40, dan ibu, Normah Ahmad, 36.

"Bapa membeli anak ayam daripada pembekal



Ahmad Faiq dari Kampung Lak Lok Dalam, Besut menunjukkan anak ayam kampung putih yang diternak.

(Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH)

iaitu bapa saudara, Mustapa Omar, secara pukal sebelum menjual melalui promosi media sosial.

"Paling tinggi saya pernah menjual anak ayam 3,200 sehari berharga RM10 untuk empat anak ayam.

"Rata-rata pelanggan membeli anak ayam dengan kuantiti banyak untuk diternak secara komersial dan sebahagiannya membeli untuk diternak di kawasan rumah.

"Istimewa anak ayam kampung putih dijual itu kerana ia cepat membesar dan boleh dijual," katanya dari Kampung Lak Lok Dalam, Besut.

Beri dorongan

Sementara itu, Mohamad Firdaus berkata, dia memberi dorongan kepada anaknya itu kerana menyedari minat anaknya dalam bidang penternakan dan perniagaan.

"Sebelum ini, Ahmad Faiq gemar mengikuti bapa saudaranya menjual pelbagai jenis ayam di Pasar Tani dan Ekspo Pertanian," katanya.

MELAKA HARI INI

29 OGOS – 4 SEPTEMBER 2022

MHI | RM1.4 JUTA UNTUK INSENTIF CARE SPM2022, BIASISWA MELAKA | MS 8

RM1.4 juta untuk Insentif *Care* SPM 2022, Biasiswa Melaka

Siti Salehah

KOTA LAKSAMANA - Kerajaan negeri memperuntukkan lebih RM1.4 juta bagi menjayakan Program Insentif *Care* SPM 2022 dan Biasiswa Melaka.

Exco Pendidikan dan Teknologi negeri Datuk Rais Yasin berkata, sumbangan itu adalah bukti komitmen Kerajaan Negeri terhadap pembangunan pendidikan, kemenjadian pelajar serta pemugaran sahiah.

Beliau berkata, bagi Insentif *Care* SPM 2022, calon di seluruh Negeri Melaka mendapat peruntukan RM50 setiap seorang yang disalurkan terus kepada pihak sekolah.

"Jumlah keseluruhan sumbangan ini (Insentif *Care* SPM 2022) adalah RM621,650 membabitkan 12,433 calon SPM merangkumi 85 buah sekolah termasuk swasta dan dibawah

Majlis Amanah Rakyat (Mara).

"Biasiswa Melaka pula membabitkan 1,341 pelajar yang akan menerima biasiswa sebanyak RM600 setahun dan ini membabitkan peruntukan sebanyak RM804,600.

"Keseluruhan peruntukan disediakan kerajaan Negeri Melaka adalah RM1,426,250 yang memberi manfaat kepada 13,774 pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mewakili Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali pada Majlis Penyampaian Insentif *Care* SPM 2022 dan Biasiswa Melaka Sumbangan Kerajaan Negeri Melaka, di sini, 25 Ogos lalu.

Hadir sama, Pengurus Besar Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) Datuk Mustafa Musa dan Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka



RAIS mewakili Ketua Menteri menyampaikan replika cek Insentif *Care* SPM 2022 dan Biasiswa Melaka Sumbangan Kerajaan Negeri Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

(MAIM) Muhammad Ikram Ibrahim.

Rais berkata, insentif dilaksanakan adalah antara perkara yang diumumkan Ketua Menteri Datuk Seri

Utama Sulaiman Md Ali dalam Bajet Negeri Melaka 2022.

"Malah pada Majlis Apresiasi Pelajar Cemerlang, baru-baru ini juga Kerajaan

Negeri menambah peruntukan sebanyak RM300,000 bagi melengkapkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM1 juta.

"Saya ucapkan terima

kasih kepada TAPEM, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan semua penyumbang serta semua rakan strategik yang terbahit," katanya.

Melaka catat pelaburan RM2.9 bilion dalam tiga bulan

Siti Salehah

SERI NEGERI - Kerajaan Negeri Melaka berjaya merekodkan pelaburan berjumlah RM2.9 bilion dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, jumlah itu direkodkan membabitkan hasil daripada 47 projek pelaburan yang diluluskan bermula Januari hingga Mac 2022.

Beliau berkata, setakat Mac tahun ini sahaja, Melaka berada di kedudukan ke-5 dalam pelaburan bagi sektor pembuatan di seluruh negara selain projek pelaburan yang diluluskan telah mewujudkan 610 peluang pekerjaan kepada rakyat Melaka.

"Daripada jumlah itu RM2.2 bilion adalah pelaburan asing manakala bakinya RM 0.7 bilion pula adalah pelaburan tempatan.

"Pada suku pertama 2022, sektor pembuatan iaitu elektrik dan elektronik adalah sektor tertinggi yang paling mendapat permintaan pelabur dengan menyumbang pelaburan sebanyak RM 2.2 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Ucapan Taat Setia pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2022 sempena Sambutan Rasmi Hari Jadi Ke-73, Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rusam di Balai Istiadat Seri Negeri, 24 Ogos lalu.

Menurut beliau, meskipun negara masih berdepan dengan kesukaran ekonomi global, namun ekonomi Melaka tetap berkembang positif apabila KDNK Melaka pada 2021 mencatatkan pertumbuhan 2.9 peratus.

"Sektor perkhidmatan dan pembuatan mendominasi struktur ekonomi Melaka yang masing-masing menyumbang sebanyak 48.8 peratus dan 37.9 peratus.

"Sektor pertanian pula menyumbang sebanyak 10.9 peratus manakala sektor pembinaan menyumbang 2.1 peratus diikuti sektor perlombongan serta pengkuarian dengan kadar 0.3 peratus kepada ekonomi Melaka," katanya.



SULAIMAN ketika menyampaikan Ucapan Taat Setia pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2022 sempena Sambutan Rasmi Hari Jadi Ke-73, Yang di-Pertua Negeri Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Sementara itu, Sulaiman berkata, kadar pengangguran Melaka pada

2021 pula mencatatkan kedudukan kedua terendah selepas Putrajaya iaitu 2.0

peratus berbanding peringkat nasional pada kadar 4.6 peratus.

MELAKA HARI INI

29 OGOS – 4 SEPTEMBER 2022

MHI | XINYI SOLAR TAMBAH PELABURAN RM1.5 BILION DI MELAKA | MS 3

Xinyi Solar tambah pelaburan RM1.5 bilion di Melaka

Faiz Hasan

SERI NEGERI - Pelabur terbesar Melaka, Syarikat Xinyi Solar (M) Sdn. Bhd. akan menambah pelaburan RM1.5 bilion bagi memperluas operasinya di Melaka.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, syarikat itu akan membeli tanah seluas 38.72 hektar kawasan Perindustrian Elkay, Lipat Kajang.

Katanya, ia sekali gus akan menambah 300 hingga 500 peluang pekerjaan kepada anak Melaka.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri

Melaka, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dan Syarikat Xinyi Solar (Malaysia) Sdn. Bhd. yang telah bersetuju untuk bekerjasama dan melabur.

"Saya difahamkan, Syarikat Xinyi merupakan pelabur terbesar dengan nilai pelaburan semasa melebihi RM2 bilion di Kawasan Perindustrian Lipat Kajang.

"Peningkatan keluasan kilang Xinyi ini tepat pada masanya bagi meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi selepas pandemik

COVID-19 serta dapat meningkatkan peluang pekerjaan antara 300 hingga 500 orang," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sebelum memeterai Perjanjian Jual Beli Tanah Industri di Bilik Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), di sini, 22 Ogos lalu.

Terdahulu, pada majlis itu, Sulaiman menandatangani dokumen dan pertukaran perjanjian bersama Pengarah Urusan Xinyi Solar (Malaysia) Sdn. Bhd., Datuk Sin Ket Hin disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Melaka, Datuk



SULAIMAN (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen Perjanjian Jual Beli Tanah Industri di antara PKNM dan Syarikat Xinyi Solar (M) Sdn. Bhd di Bilik Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), Seri Negeri.

Foto Iqmal Haqim Rosman

Wira Zaidi Johari dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNM Datuk Mashitah Datuk Wira Ismail.

Hadir sama, Pegawai Kewangan Negeri Datuk Salhah Salleh bersama barisan Ahli Lembaga Pengarah PKNM, Datuk Zaidi

Attan, Tuminah Kadi dan Datuk Mohamad Azmi Sabtu.

Sementara itu, wakil Syarikat Xinyi pula dihadiri Pengarah Pembelian dan Sumber Manusia, Datuk Char Soo Yin dan Peguamcara Xinyi, Datuk Ng Chin Chai.

30 OGOS 2022

UTUSAN | BANK DIJANGKA NAIKKAN KADAR FAEDAH 2H22 | MS 37



BANK Pusat Thailand dijangka turut menaikkan kadar faedah dalam usaha mengekang peningkatan inflasi di negara berkenaan. - GAMBAR HIASAN

Bank dijangka naikkan kadar faedah 2H22

KUALA LUMPUR: Tekanan semakin meningkat ke atas bank pusat ASEAN untuk mengekang kenaikan harga disebabkan mata wang tempatan yang lemah, menyebabkan tekanan inflasi dan memburukkan lagi aliran keluar modal, menurut Moody's Investors Service.

Dalam laporan terkini bertajuk "Kenaikan kadar didorong oleh inflasi akan meningkatkan margin...", firma itu berkata, kekurangan bekalan yang berterusan akan meningkatkan tekanan inflasi.

Katanya, berdasarkan panduan daripada kebanyakan bank pusat ASEAN, mereka menjangkakan untuk menaikkan kadar faedah pada separuh kedua tahun ini (2H22).

Jelasnya, lima daripada enam ekonomi ASEAN yang dipantau menunjukkan, margin bank dari

segi sejarah melebar seiring dengan kenaikan kadar inflasi.

Enam ekonomi ASEAN yang dipantau ialah Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Singapura dan Vietnam

Bagaimanapun katanya, Vietnam terkecuali kerana persaingan sengit untuk deposit, pergantungan bank yang lebih tinggi pada dana pasaran, serta keperluan kawal selia untuk mengekalkan kadar pinjaman yang rendah bagi menyokong ekonomi.

Moody's berkata, ia menjangkakan peningkatan dalam pinjaman tidak berbayar (NPL) adalah sederhana di rantau ASEAN kerana tekanan inflasi akan berkurangan dalam ekonomi keenam-enam negara dipantu, dengan kenaikan kadar pula adalah beransur-ansur.

"Berdasarkan sejarah, pecutan inflasi mengakibatkan peningkatan NPL dalam lima daripada enam ekonomi.

"Ini kerana, inflasi lazimnya mengakibatkan kelembapan ekonomi, dengan kenaikan kadar faedah meningkatkan beban pembayaran balik hutang bagi peminjam," katanya.

Menurut firma itu, bank-bank di Thailand dan Vietnam paling terdedah kepada peningkatan mendadak dalam kadar faedah.

"Bank-bank di Thailand dan Vietnam akan menyaksikan peningkatan terbesar dalam kos kredit dan NPL jika inflasi dan kadar faedah meningkat secara mendadak kerana peminjam dalam sistem perbankan ini adalah yang paling banyak berhutang," jelasnya.

Harga minyak bercampur-campur, pelabur imbangi jangkaan OPEC

MELBOURNE: Harga minyak bercampur-campur pada Isnin apabila pelabur mengimbangi jangkaan Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) akan mengurangkan pengeluaran untuk menyokong harga.

Ia berikutan kebimbangan dicetuskan oleh Pengerusi Rizab Persekutuan, Jerome Powell yang berkata, Amerika Syarikat (AS) akan menghadapi pertumbuhan perlahan untuk sementara waktu.

Niaga hadapan minyak mentah AS, West Texas Intermediate (WTI) naik 2.0 sen kepada AS\$93.08 (RM417.74) setong, menambah keuntungan pada Jumaat.

Niaga hadapan minyak mentah Brent pula turun 27 sen atau 0.3 peratus kepada AS\$100.72 (RM 452.03) setong, mengurangkan keuntungan daripada sesi sebelumnya.

Jumaat lalu, Powell berkata, mengekang inflasi kemungkinan memerlukan memperlukan tempoh pertumbuhan yang berterusan dan ia akan memberi impak kepada isi rumah dan perniagaan, yang telah menggegarkan pasaran ekuiti sambil meningkatkan dolar.

"Indeks dolar terus meningkat pada Isnin kepada 109.16, naik 0.2 peratus pada sesi dagangan awal. Dolar

yang lebih kukuh memberi kesan kepada minyak kerana ia menjadikan minyak mentah lebih mahal bagi pembeli yang memegang matawang lain," katanya.

Bagaimanapun, harga minyak telah disokong oleh berita daripada Arab Saudi dan ahli Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum dan sekutunya (OPEC+) bahawa mereka boleh mengurangkan pengeluaran untuk mengimbangi pasaran.

Emiriah Arab Bersatu (UAE) sependapat dengan Arab Saudi mengenai dasar pengeluaran. Sumber memberitahu Reuters pada Jumaat, Kementerian minyak Oman juga berkata, ia menyokong usaha OPEC+ untuk mengekalkan kestabilan pasaran.

Menurut sumber pada minggu lalu, OPEC akan mempertimbangkan untuk mengurangkan pengeluaran bagi mengimbangi sebarang kenaikan dari Iran sekiranya sekatan minyak ditarik balik jika Tehran bersetuju memulihkan perjanjian nuklear.

Sementara itu, Penganalisis CMC Markets, Tina Teng berkata, fokus pedagang akan beralih kembali kepada faktor permintaan bekalan, dengan rundingan nuklear AS-Iran sedang berjalan. - AGENSI

Ekonomi

↑ KUALA LUMPUR (Indeks Komposit) (+1.28) mata 1,501.57	↓ SINGAPURA (Straits Times) (-24.02) mata 3,225.51	↓ TOKYO Nikkei (-762.42) mata 27,878.96	↓ NEW YORK Dow Jones (-1,008.38) mata 32,283.40
---	---	--	--

Inflasi negara meningkat 4.4 peratus

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kadar inflasi terkini negara, yang diukur daripada Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 4.4 peratus kepada 127.9 pada Julai lalu berbanding 122.5 bulan yang sama tahun sebelumnya, didorong oleh kenaikan harga makanan.

Kenaikan itu adalah yang tertinggi dalam tempoh lebih setahun.

Peningkatan kadar inflasi itu juga adalah lebih tinggi berbanding 3.4 peratus yang dicatatkan pada Jun lalu, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ujarnya, indeks makanan yang meningkat 6.9 peratus kekal menjadi penyumbang utama kenaikan inflasi pada Julai.

"Namun begitu, terdapat item makanan yang menunjukkan momentum peningkatan yang lebih perlahan berbanding Jun 2022. Antaranya ialah subkumpulan ikan & makanan laut (4.2 peratus) dan sayur-sayuran (7.1 peratus).

"Peningkatan inflasi Malaysia pada Julai turut disebabkan oleh kesan asas yang lebih rendah pada tahun lalu berikutan pemberian diskaun bil elektrik dari lima hingga 40 peratus mengikut jumlah penggunaan kepada pengguna domestik di bawah




KENAIKAN harga makanan mendorong peningkatan kadar inflasi negara pada Julai 2022 ke paras tertinggi dalam tempoh lebih setahun. - GAMBAR HIASAN

Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan) pada Julai sehingga September 2021.

"Selain daripada kumpulan makanan, kesemua kumpulan lain juga terus merekodkan peningkatan kecuali komunikasi yang kekal tidak berubah berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

"Restoran & Hotel meningkat



5.8 peratus diikuti oleh pengangkutan (5.6 peratus), hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (4.0 peratus) dan pe-

rumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (3.8 peratus).

"Sementara itu, perkhidmatan rekreasi & kebudayaan turut mencatatkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus, pelbagai barangan & perkhidmatan (2.1 peratus) dan pendidikan (1.2 peratus)," katanya dalam kenyataan.

DOSM berkata, inflasi bagi tempoh Januari hingga Julai 2022 meningkat 2.8 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, ia berkata inflasi meningkat 0.4 peratus berbanding Jun 2022.

Jelasnya, peningkatan itu disumbangkan terutamanya oleh peningkatan restoran & hotel (0.8 peratus) dan makanan & minuman bukan alkohol (0.7 peratus).

"Ini diikuti oleh hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (0.6 peratus) dan pengangkutan (0.5 peratus).

"Inflasi teras dan inflasi tanpa bahan api masing-masing telah mencatatkan peningkatan 3.4 peratus dan 4.2 peratus pada Julai 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

"Kesemua inflasi negeri menunjukkan peningkatan dalam inflasi di mana tiga negeri meningkat melepasi paras inflasi nasional 4.4 peratus," katanya.